MEMACU PRINSIP PEMANDUAN PROFESIONAL

JILID 2 | APR - JUN 2014

SPANCO

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu



10
BERSAMA MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN, KECURIAN & KESALAHAN TRAFIK

06
10 KESALAHAN SERIUS DALAM PENYENGGARAAN KERETA: SIRI PERTAMA

12
PRESTIJ & TEKNOLOGI DIPERTONTONKAN MELALUI KENDERAAN KONSEP

16
TEKNOLOGI MASA HADAPAN KINI BERADA DI TANGAN ANDA

ISSN 1675-1361

9 771675 136103

PP 10548/08/2012(030458)

prihatin

sentiasa bersama mu

jilid 2 | Apr - Jun 2014

MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Rusman Bassri

PENERBIT
SPANCO Sdn Bhd *(172957-U)*
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel 03-6192 8888
Faks 03-6192 8999
emel *prihatin@spanco.com.my*
web *www.spanco.com.my*
Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK
Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel 03-8941 4013
Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd *(317453-P)*

SEKILAS MINDA
03 Terus Berjuang Menjangkaui Mercu Kejayaan

KATA MEREKA
04 YBhg Datuk Hasnah Haji Saleh Ingin Memastikan KKM Terus Proaktif & Menepati Kehendak Masyarakat

SERVIS ITU PENTING!
06 10 Kesalahan Serius Dalam Penyenggaraan Kereta: Siri Pertama

YANG PERLU ANDA TAHU
08 Seminar Pegawai Kenderaan Kerajaan 2014 Kementerian Pertahanan: Fasa Baru Ke Arah Pencapaian Yang Lebih Cemerlang

10 Bersama Mengurangkan Kadar Kemalangan, Kecurian & Kesalahan Trafik

PERSADA INOVASI
12 Prestij & Teknologi Dipertontonkan Melalui Kenderaan Konsep

MERAKAM CATATAN
14 Taklimat Pengurusan Dan Teknikal Proton Prevé Di Kementerian Kerja Raya

14 Kursus Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Jabatan Peguam Negara

14 Majlis Penyerahan Proton Prevé Kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan

14 Majlis Penyerahan Proton Prevé Kepada KPDNKK Di Pusat Servis Wilayah SPANCO

15 Majlis Penyerahan Kenderaan Penyiasat Jabatan Kastam Diraja Malaysia

15 Penyerahan Penggantian Kereta Guna Sama Polis Diraja Malaysia

15 Kursus Pengurusan Kenderaan Di Ibu Pejabat JKDM Negeri Sarawak

15 SPANCO Menyumbangkan 8 Komputer Kepada Sekolah Kebangsaan Taman Kepong

INFORMASI SANTAI
16 Teknologi Masa Hadapan Kini Berada Di Tangan Anda

LIBUR DESTINASI
18 Menyusuri 7 Keajaiban Dunia Baharu

BICARA SIHAT
20 Strok, Cegah Sebelum Terlambat!

PILIHAN SERVIS ANDA
22 Kelantan

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

TERUS BERJUANG MENJANGKAUI MERCU KEJAYAAN

PANTAS masa berlalu, kita kini telah masuk ke suku tahun ketiga di 2014. Satu perjalanan yang sangat memberangsangkan dan al-hamdulillah kami berjaya melaluinya dengan peningkatan produktiviti kerja yang begitu efisien sekali.

Di suku pertama dan kedua kita telah mula membuat penghantaran Proton Perdana baharu seperti yang telah ditetapkan. Seminar Pegawai Kenderaan Kerajaan 2014 Kementerian Pertahanan yang diadakan pada bulan April lalu turut diharap dapat menyuntik kesedaran yang tinggi kepada pegawai-pegawai Kerajaan terhadap rasa tanggungjawab kepada fleet masing-masing.

Kami turut teruja untuk menjalankan amanah yang diberikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam mengendalikan keperluan kereta pegawai penyiasat mereka.

Dalam kerancakan pelaksanaan agenda suku pertama dan kedua, kami turut proaktif meneruskan suku ketiga ini dengan susunan perancangan rapi antaranya mengembangkan saiz fleet kenderaan menjangkaui 10,500 unit. Sekali gus terus meningkatkan mutu khidmat cemerlang di setiap pusat servis dan memastikan kepuasan pelanggan menjadi tunggak utama syarikat. Kelangsungan dari itu juga, pelanggan SPANCO kini boleh terus mendapat maklumat terkini dari portal SPANCO yang akan dihantar serta-merta melalui emel masing-masing, lebih mudah dan cepat.

Sebelum mengundur diri, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh rakan-rakan di Kementerian serta pelanggan yang kami hormati. Semoga kehadiran Ramadan kali ini memberi seribu kerahmatan dan meningkatkan lagi keimanan dalam diri setiap kita.

AZMAN IDRIS
Ketua Pegawai Operasi

TERUS MENINGKATKAN MUTU KHIDMAT CEMERLANG DI SETIAP PUSAT SERVIS DAN MEMASTIKAN KEPUASAN PELANGGAN MENJADI TUNGGAK UTAMA SYARIKAT.

YBHG DATUK HASNAH HAJI SALEH

INGIN MEMASTIKAN KKM TERUS PROAKTIF & MENEPATI KEHENDAK MASYARAKAT

WAJAH lembutnya menyerlahkan sifat peribadi yang sangat tinggi. Melihat gaya cergas dan cerianya, siapa menyangka tetamu PRIHATIN kali ini telah hampir ke hujung perkhidmatannya dan akan memasuki golongan YB (Yang Bersara) tidak berapa lama lagi. Mengambil contoh ayah sebagai teladan, wanita cekal ini berpegang kepada prinsip 'sentiasa membantu mereka yang memerlukan selagi termampu'. Baginya, sifat yang sering ditekankan oleh arwah ayah iaitu amanah, jangan pilih bulu, dan sentiasa membantu orang lain menjadi tonggak kepimpinan beliau hingga ke hari ini.

YBhg Datuk Hasnah Haji Saleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sememangnya sentiasa bersyukur dilahirkan dalam sebuah keluarga yang amat mementingkan pelajaran. Walaupun dihimpit kesukaran dan menanggung anak yang ramai di tahun 50-an dan 60-an, ibu bapanya tetap berusaha menghantar semua abang dan kakaknya seramai enam orang bersekolah aliran Inggeris di bandar, walaupun memerlukan biaya yang banyak untuk yuran sekolah dan tambang bas. Hasilnya kakak dan abang mempunyai kerjaya yang baik dan dapat menjadi mentor dan membentuk pendidikan adik-adik yang lain.

Dalam tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam pula, beliau berasa amat bertuah kerana sering mendapat ketua yang bukan sahaja baik dan bertimbang rasa, tetapi juga membimbing dan mendidik beliau untuk bekerja dengan ikhlas untuk rakyat, agama dan negara serta berusaha memberi sumbangan terbaik.

"Ketua Setiausaha (KSU) saya sekarang, Datuk Farida Mohd Ali contohnya, merupakan seorang yang sangat berpengetahuan, berpengalaman luas, serta memiliki semangat kerja yang kuat, profesional serta menunjukkan sikap prihatin yang tinggi kepada penjawat bawahan. Saya amat menghormati beliau. Begitu juga dengan bos-bos sebelum ini yang banyak memberi tunjuk ajar, menegur dan memperbaiki kelemahan diri saya terutama bos-bos wanita. Berkhidmat di bawah ketua yang tegas mengajar kita erti 'high standard'," ujar anak ketujuh dari sebelas beradik yang dilahirkan di Batu Pahat, Johor ini.

Mendapat pendidikan menengah di Sekolah Sri Puteri, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Ekonomi, Datuk Hasnah kemudiannya mendapat ijazah Sarjana dari Seoul National University, Republic of Korea pada tahun 1987. Berasaskan kelayakan ini, Datuk Hasnah telah berjaya melakar laluan kerjaya yang cemerlang dalam bidang ekonomi, sumber manusia dan pengurusan. "Saya selalu merasa sedih bila teringat kawan-kawan di sekolah rendah dan menengah yang cerdik, tetapi kerana kekangan kemiskinan tidak dapat berpeluang melanjutkan pelajaran mereka," luahnya. "Sebab itu, saya sering memberitahu anak-anak untuk menjadi orang yang sentiasa bersyukur dan tidak bongkak dengan kedudukan," sambungnya lagi.

Mempunyai pengalaman bertugas di tiga Agensi Pusat yang besar dan utama (JPA, EPU dan JPM), serta tiga kementerian yang besar dan penting iaitu KPM, KKM dan MITI, Datuk Hasnah dapat memberi pandangan mengenai cabaran yang dihadapi oleh KKM untuk memenuhi tanggungjawab terhadap pelanggan dan rakyat. "KKM adalah

kementerian kedua terbesar selepas Kementerian Pelajaran dengan bilangan perjawatan menghampiri 270,000 dan terdapat di seluruh negara termasuk di pendalaman. KKM juga memiliki jumlah skim perkhidmatan yang paling banyak iaitu 116 skim bermula dari jawatan doktor, jururawat, pembantu hospital hinggalah kepada pemandu dan sebagainya. Ini bererti aspek pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan perolehan, fasiliti kesihatan serta perkhidmatan amatlah kompleks dan mencabar," jelas ibu kepada lima cahaya mata ini.

Beliau juga menerangkan bahawa sebagai kementerian yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada rakyat, 'from Womb to Tomb', KKM telah dan akan sentiasa memberi perkhidmatan terbaik. Malangnya, KKM juga menghadapi banyak kekangan, contohnya kekurangan fasiliti dan doktor pakar menyebabkan isu kesesakan hospital menjadi isu utama. Rakyat lebih gemar datang ke fasiliti kerajaan kerana tidak perlu membayar kos yang tinggi dan perkhidmatannya adalah baik. Walau bagaimanapun, apabila terlalu ramai pesakit yang datang, maka masa menunggu akan menjadi begitu lama. Begitu juga isu kekurangan doktor pakar, bukan sahaja di bandar besar yang menyebabkan lama menunggu giliran berjumpa pakar, tetapi juga di daerah pendalaman tidak berpeluang mendapat perkhidmatan kepakaran. Pengeluaran doktor pakar terlatih mengambil masa dan bilangannya pula terhad. Yang ada pula ramai meletak jawatan untuk bekerja di hospital swasta. Salah satu sebabnya ialah kerana jumlah gaji yang tidak mencukupi atau keadaan kerja yang tidak kondusif. Semua ini perlu ditangani. KKM telah banyak merangka dan melaksanakan pelbagai transformasi bagi mengatasi isu-isu ini dari segi latihan, peluang kenaikan pangkat, elaun-elaun khusus serta penambahbaikan fasiliti dan kemudahan kesihatan.

Bercakap mengenai cabaran, Datuk Hasnah tidak menyangkal kepentingan kemudahan kenderaan dalam urusan pekerjaan. Apatah lagi tugasnya yang sentiasa memerlukan beliau bergerak aktif, pengangkutan juga merupakan cabaran utama dalam menjalankan rutin kerja.

"Secara jujurnya saya amat selesa menggunakan kenderaan SPANCO. Segala kerja-kerja penyenggaraan berjadual dilakukan oleh SPANCO hingga saya tidak perlu memikirkan mengenai kerosakan dan saya yakin dengan keselamatan apabila memandu. Saya tidak pernah mengalami masalah serius sepanjang menggunakan kereta SPANCO. Pernah juga tayar kereta pancit terkena paku, lantas saya hubungi talian bebas tol SPANCO yang disediakan, dengan pantas bantuan tiba membaiki tayar saya.

"Inilah manfaatnya apabila kereta diuruskan oleh SPANCO, segala urusan kerja menjadi lebih mudah, tindakan menjadi lebih produktif dan hasil kerja menjadi lebih cemerlang sekali gus meningkatkan produktiviti negara. Tenaga, wang dan masa lebih dijimatkan kerana kami, sebagai penjawat awam menjadi lebih fokus terhadap kerja tanpa perlu memikirkan perkara lain," tegas beliau lagi.

Datuk Hasnah turut merasakan pengurusan kenderaan fleet oleh SPANCO lebih memudah dan menjimatkan berbanding membeli serta menguruskannya secara terus.

"Pada pendapat saya, kalaulah pemilikan sendiri, ia akhirnya berbalik semula kepada pihak Kerajaan yang perlu menguruskan segala urusan dengan sendiri. Banyak urusan rumit yang mesti diselia oleh Jabatan Kerja Raya. Dengan adanya SPANCO, Kerajaan Malaysia menyerahkan semua urusan pengurusan fleet secara 'outsourcing' (sumberan luar kepada pihak ketiga), maka sudah tentu terdapat bayaran untuk perkhidmatan tersebut. Namun, urusan tugas lebih mudah dan dapat dijalankan dengan lebih berkualiti lagi," ujar wanita berjiwa kental ini.

Menyentuh mengenai cabaran KKM pula, Datuk Hasnah menegaskan bahawa mengatasi masalah pertambahan bilangan pesakit yang semakin meningkat setiap tahun, KKM sedang berusaha untuk memberi kesedaran supaya individu dan masyarakat mengutamakan penjagaan kesihatan sendiri serta ahli komuniti masing-masing. Tujuannya untuk mencegah penyakit, terutama penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, darah tinggi, jantung dan kanser. Aspek pencegahan ini menjadi agenda utama KKM.

Beliau turut berharap cabaran lain dapat diatasi dengan kerjasama kukuh di antara penjawat KKM, masyarakat dan juga NGOs untuk menjayakan program-program yang cuba dilaksanakan bagi memastikan KKM terus dekat dengan rakyat.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg Datuk Hasnah Haji Saleh.

SEBAGAI KEMENTERIAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT, 'FROM WOMB TO TOMB', KKM TELAH DAN AKAN SENTIASA MEMBERI PERKHIDMATAN TERBAIK.

10 KESALAHAN SERIUS DALAM PENYENGGARAAN KERETA

Siri Pertama

UMUM sedar penyenggaraan kenderaan mengikut jadual amat penting dan bagi mereka yang tidak menitikberatkan penjagaan kereta, pelbagai masalah mungkin timbul. Tidak endah terhadap kaedah penjagaan yang betul juga amat berbahaya dan boleh mengundang kepada kemalangan. Berikut adalah 10 kesalahan serius dalam penyenggaraan kereta:

1 Lewa dengan lampu terbakar

Sedar atau tidak, kita sering memandang lewa jika mendapati mana-mana lampu kereta terbakar. Sama ada lampu utama, lampu tinggi, lampu brek atau isyarat; setiap satu adalah penting yang perlukan perhatian segera. Selalu periksa keadaan lampu kenderaan anda. Tidak mengendahkan hal ini boleh mendatangkan masalah kepada pemandu lain dan juga mencetus kepada kemalangan.



2 Melakukan 'jump start' tanpa mengetahui caranya

Tidak memadai hanya menyimpan kabel 'jump start' dalam ruang letak barang tetapi tidak pernah mempelajari atau ambil tahu cara menggunakannya. Menyambungkan terminal yang salah boleh mengakibatkan kerosakan, malah kebakaran dan kecederaan. Ikuti panduan berikut:

i. Utamakan keselamatan dengan memastikan anda berdiri jauh dari laluan trafik.
ii. Lindungi mata dan jangan merokok semasa mengendalikan bateri.
iii. Pastikan kedua-dua kenderaan pada jarak yang dekat antara satu sama lain tetapi tidak bersentuhan.
iv. Pastikan kedua-dua enjin kenderaan dimatikan sebelum anda menghubungkan kabel.
v. Pastikan kabel atau hujung penyambung berada pada terminal yang betul.
vi. Jangan memutar engkol secara berterusan sekiranya enjin masih gagal dihidupkan. Sebaliknya berikanlah sedikit masa.

3 Kerja pendawaian yang selekeh

Jangan cuba melakukan kerja pendawaian sekiranya anda tidak pasti kerana kesilapan pemasangan boleh menyebabkan lintar pintas, kebakaran dan kerosakan. Sebaik-baiknya mintalah bantuan juruteknik di pusat servis yang bertauliah. Bagaimanapun bagi kerja-kerja pendawaian kecil yang lazim anda lakukan sendiri, pastikan enjin dimatikan dan tanggalkan kabel negatif bateri sebelum memulakannya. Bagi kereta hibrid dengan bateri bervoltan tinggi pula, pastikan anda tidak menyentuh bateri tersebut kerana ia mempunyai lebih potensi kejutan berbanding kereta biasa yang boleh mengakibatkan kecederaan serius.

4 Cuba melanjutkan hayat tayar yang sudah haus

Melengahkan penukaran tayar adalah satu langkah yang tidak bijak. Sekiranya bunga tayar nampak haus atau terdapat rekahan tukarlah dengan segera. Walaupun kadangkala ia nampak masih boleh digunakanv untuk sedikit masa lagi namun getahnya mungkin sudah tidak berada pada kualiti yang baik. Jangan tunggu ke saat akhir yang pastinya akan mengundang pelbagai risiko kemalangan yang tidak diingini.

5 Penyenggaraan dan pembaikan brek yang tidak teliti

Walaupun nampak tidak sukar namun penyenggaraan dan pembaikan brek kereta perlu dilaksanakan dengan teliti lagi terperinci. Ini kerana brek bergantung kepada pelbagai komponen mekanikal yang bergerak, yang memerlukan pelinciran. Semasa kerja dilakukan, kemungkinan bahan berminyak digunakan di sekitar komponen brek. Justeru perlu berhati-hati kerana jika permukaan pad atau rotor terkena tumpahan gris atau minyak, brek kereta anda mungkin tidak dapat berfungsi.

BREK BERGANTUNG KEPADA PELBAGAI KOMPONEN MEKANIKAL YANG BERGERAK, YANG MEMERLUKAN PELINCIRAN.



Ikuti sambungan lima lagi kesalahan mengenai senggaraan kereta pada paparan PRIHATIN akan datang.

Peserta seminar mendaftarkan diri.

Ketibaan TKSU Bahagian Pengurusan Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Jalil Marzuki.

Penyerahan cenderahati daripada SPANCO sebagai tanda penghargaan.

Taklimat Pengurusan Kenderaan dan Dasar oleh Puan Nurhaneeza Nek Mat.

Seorang peserta bertanyakan soalan mengenai pengurusan kenderaan.

Suasana di dalam dewan seminar.

SEMINAR PEGAWAI KENDERAAN KERAJAAN 2014 KEMENTERIAN PERTAHANAN

FASA BARU KE ARAH PENCAPAIAN YANG LEBIH CEMERLANG

KESEDARAN terhadap pentingnya menjaga kenderaan fleet adalah tanggungjawab setiap individu pengguna. Justeru itu, Seminar Pegawai Kenderaan Kerajaan 2014 Kementerian Pertahanan yang diadakan di Kuala Lumpur pada 22 April 2014 adalah bertujuan memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai kenderaan Kerajaan mengenai tanggungjawab pengurusan kenderaan mereka sekali gus mencapai sasaran ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efektif.

Program anjuran bersama Kementerian Kewangan Malaysia dan SPANCO ini turut menekan mengenai langkah-langkah keselamatan dan pencegahan terhadap kemalangan, kecurian dan kesalahan trafik yang perlu diambil dan dipandang serius oleh setiap pegawai kenderaan.

Majlis yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pengurusan Kementerian Pertahanan ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh; Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Aset, Kementerian Kewangan, Encik Tajol Azhar Md Tahir, dan Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Pertahanan, Encik Razak Jaafar.

Dalam ucapan aluannya, Dato' Hamzah menekankan mengenai tanggungjawab pengurusan kenderaan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan permasalahan utama yang dihadapi dalam mengendalikan fleet kenderaan yang melibatkan kemalangan, kecurian dan kesalahan trafik.

Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh menyampaikan ucapan aluan.

Encik Nasrullah Mohd Shariff dari Lonpac Insurance.

Encik Azmi Mohamad dari UKK (kiri) menjawab soalan.

Puan Akmalia Shabadin dari MIROS.

Tetamu-tetamu kehormat dari Kementerian Pertahanan.

Pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan.

Taklimat rangkuman oleh ASP Roslan Idun.

Barisan panel sesi dialog.

Leftenan Kolonel Khairul Anuar, mengajukan soalan kepada ahli panel.

Beliau turut menyarankan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil sekali gus memantau kaedah penggunaan kenderaan yang lebih sistematik dan selamat.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kenderaan Kementerian Pertahanan yang telah membantu menjaga kenderaan SPANCO. Dato' Hamzah berharap agar pegawai-pegawai kenderaan lebih berwaspada, berhati-hati, bertimbang rasa dan menjaga kenderaan dengan lebih baik sekali gus dapat meningkatkan usaha membantu mengurangkan kes kemalangan, kecurian dan kesalahan trafik.

Ucapan beliau turut disokong oleh Dato' Jalil yang berharap pegawai-pegawai dapat menitikberatkan mengenai kepentingan penjagaan kenderaan memandangkan Kementerian Pertahanan merupakan pengguna kedua terbesar fleet kenderaan Kerajaan Persekutuan.

Beliau turut menyentuh mengenai elemen utama bagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efektif iaitu penyenggaraan kenderaan mengikut jadual yang ditetapkan, menjaga kenderaan agar sentiasa bersedia untuk apa juga keadaan dan pemanduan berhemah untuk mengelakkan sebarang kejadian seperti kemalangan atau kesalahan trafik.

Sebelum merasmikan majlis, Dato' Jalil melahirkan harapan seminar dapat dimanfaatkan dan dijadikan titik permulaan tugas yang cekap dan efektif ke arah pencapaian yang lebih cemerlang bagi semua pegawai yang menguruskan kenderaan Kerajaan di Kementerian Pertahanan dengan adanya pemandu yang lebih jujur dan amanah.

Persidangan menampilkan barisan panel penceramah dari SPANCO (Zulkifli Abd Aziz dan Tuan Haji Azahari Md Lazim), Kementerian Kewangan (Nurhaneeza Nek Mat), Lonpac Insurance (Nasrullah Mohd Shariff), MIROS (Akmalia Shabadin) dan PDRM (ASP Roslan Idun).

> KESEDARAN TERHADAP PENTINGNYA MENJAGA KENDERAAN FLEET ADALAH TANGGUNGJAWAB SETIAP INDIVIDU PENGGUNA.

BERSAMA MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN, KECURIAN & KESALAHAN TRAFIK

KEMALANGAN, kecurian dan kesalahan trafik merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh SPANCO. Kes kemalangan dan kecurian yang tinggi ke atas kereta-kereta SPANCO telah mengakibatkan kos pembaikan yang tidak terkawal. Di samping itu, jumlah saman trafik tertangguh yang tinggi juga turut mencalar kredibiliti SPANCO dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan Persekutuan.

KEMALANGAN

Rekod Kemalangan Fleet 2010 - 2014



- Jumlah kemalangan setakat Mac meningkat daripada 673 kes (2013) kepada 747 kes pada 2014.
- Terdapat penurunan kadar kemalangan sebanyak 11.4% dari tahun 2012 ke tahun 2013. Ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran di kalangan pengguna kenderaan SPANCO.

Purata Kadar Kos Kemalangan 2010 - 2014



- Setakat Mac 2014, jumlah kos pembaikan adalah **RM1.9 juta**.
- Lebih daripada 85% jumlah kemalangan berpunca dari kerosakan sendiri, iaitu yang tidak melibatkan pihak ketiga.

Antara punca-punca dan sikap pemandu:

- Menggunakan telefon • Makan dan minum • Bergurau senda
- Mengantuk • Tidak fokus dan lalai • Keadaan jalan raya

KECURIAN

Rekod Kecurian Fleet 2010 - 2014



- Proton Perdana merupakan model di dalam fleet yang paling kerap mengalami kecurian.
- Sebanyak 18 kenderaan fleet dicuri pada 2013 sahaja.

Kesan kemalangan dan kecurian

- **Kerajaan** terpaksa menanggung kerugian untuk setiap nyawa yang terkorban. Juga akan mengganggu kelancaran kerja selama tempoh pembaikan.
- **Individu** turut kehilangan orang tersayang, hilang tempat bergantung dan berkemungkinan pemandu akan digantung lesen akibat kecuaian.
- **Kenderaan** juga akan mengalami peningkatan kos bayaran premium untuk insurans dan setiap kereta boleh dikenakan 'caj loading'.

Langkah mengatasi

- Letak kenderaan di tempat yang selamat.
- Jangan tinggalkan barang berharga dalam kereta.
- Jangan tinggalkan kereta dalam keadaan enjin hidup.
- Pastikan kereta sentiasa berkunci dan tingkap tertutup rapat.
- Tingkatkan tahap sistem penggera kenderaan.

Masalah ini dapat diatasi melalui:

- **Pendidikan** – iaitu dengan memupuk sikap pengguna ke arah yang lebih baik.
- **Pemandu** – dengan memupuk rasa tanggungjawab dan sikap hak milik ke atas kenderaan dan sentiasa mengingati orang tersayang.
- **Perundangan** – penguatkuasaan yang lebih berkesan dapat meninggalkan kesan psikologi terhadap pesalah.

KESALAHAN TRAFIK

Rekod kesalahan trafik 2011 - 2014



- Setakat Mac 2014, saman PDRM yang diterima fleet adalah 43,325 manakala saman pihak berkuasa tempatan (PBT) 10,536.
- Bagi saman PDRM, rekod menunjukkan penurunan pada 2013 dengan 41,676 kes tetapi peningkatan pada 2014 dengan 43,325 kes.
- Manakala bagi PBT pula meningkat dari 9,723 pada 2013 kepada 10,536 pada 2014.

Kesan saman

- **Kementerian** - mengganggu aliran wang kerajaan yang terpaksa menyediakan bajet untuk membayar saman jabatan dan mengganggu kelancaran kerja untuk kenderaan yang disenarai hitam.
- **Individu** - mengganggu aliran wang individu dan mengurangkan tahap kecekapan individu.
- **Kenderaan** – mengalami masalah memperbaharui cukai jalan dan insurans kenderaan.

PRESTIJ & TEKNOLOGI DIPERTONTONKAN MELALUI KENDERAAN KONSEP

PAMERAN Kereta Antarabangsa di Detroit baru-baru ini mengetengahkan beberapa idea baru dan istimewa daripada pengeluar-pengeluar kenderaan ternama dunia. Edisi PRIHATIN kali ini meninjau konsep yang diperkenalkan oleh Honda, Toyota, Nissan dan Volkswagen pada pameran itu yang besar kemungkinan bakal menjadi ikutan (trendsetter) industri automotif untuk tahun-tahun berikutnya.

Acura TLX



Cermin sisi dengan LED 3D

Acura mewah dengan konsep TLX

Acura, jenama mewah syarikat Honda di Amerika Syarikat menampilkan konsep TLX eksklusif untuk penggemar sedan. Antara ciri yang paling ketara pada susuk TLX ialah lampu hadapan Jewel Eye™ LED yang jernih untuk penyuluhan yang lebih terang di jalan raya. LED turut digabungkan pada cermin sisi bagi kesan 3D berteknologi tinggi apabila lampu isyarat dihidupkan. Juga dilengkapi teknologi PAWS dengan kawalan 'toe' kiri dan kanan secara individu pada roda belakang. Bertepatan dengan status sedan mewahnya, TLX dicipta kedap bunyi dalam segala situasi pemanduan melalui struktur yang lebih kukuh dan penebat bunyi yang dipertingkatkan di samping penerapan kawalan bunyi aktif elektronik.

Toyota meluncur bergaya bersama FT-1

Toyota memperkenalkan konsep FT-1 yang diramalkan bakal menggantikan model Supra, kereta sport popular keluaran gergasi automotif itu. Memiliki penampilan radikal yang mempesonakan, FT-1 hebat dengan sayap (spoiler) di belakang yang boleh dikuncupkan bagi mengurangkan daya rintangan semasa pecutan. Keunikan FT-1 ialah ia telah diuji dan dibangunkan dalam permainan video sebelum dibina sebagai kereta konsep. Bagi peminat kereta sport, anda boleh terus merasai keterujaan memandu FT-1 melalui Playstation 3 dengan memuat turun model itu untuk permainan popular 'Gran Turismo 6'.

Toyota FT-1

Nissan menerapkan konsep Sport Sedan

Nissan mengangkat konsep 'Sport Sedan' ke tahap yang seterusnya dengan menggarapkan ciri-ciri kereta sport pada kereta sedannya. Dari depan, 'Sport Sedan' tampak mantap dengan konsep reka bentuk 'V-Motion' Nissan, sementara dari sisi pula, bumbungnya yang panjang dan landai kelihatan seolah-olah terapung. Tambah hebat dengan rekaan lampu belakang ala 'boomerang'. Konsep 'Sport Sedan' ini mencerminkan hala tuju Nissan dalam pembikinan model-model baru keluarannya yang akan datang.

Nissan Sport Sedan

Volkswagen Beetle Dune hebat dengan konsep pemanduan lasak

Berkonsepkan pemanduan lasak, Dune dilihat bersedia untuk Perlumbaan Rali Dakar dengan tayar besar yang menonjol, lantai yang lebih tinggi serta lampu kabus yang menyilau pasti mengujakan apabila meluncur laju di padang pasir. Malah penggunaan sistem 'electronic differential lock' XDS oleh Volkswagen yang meningkatkan cengkaman dan menghindarkan tayar dari tergelincir terutama semasa membelok, mampu memberikan perbezaan dari segi pemanduan walaupun ia bukan pacuan empat roda sepenuhnya. Dune direka 0.5 inci lebih panjang dan 2 inci lebih tinggi dari tanah dengan tambahan ketinggian keseluruhan sebanyak 0.8 inci berbanding model kilang Beetle R-Line. Lebih mengagumkan struktur bawahnya (undercarriage) dilapisi plat saduran krom bagi perlindungan tambahan.

Volkswagen Beetle Dune

TAKLIMAT PENGURUSAN DAN TEKNIKAL PROTON PREVÉ DI KEMENTERIAN KERJA RAYA, *KUALA LUMPUR PADA 17 APRIL 2014*

Penolong Pengurus Unit Kawalan Senggaraan dan Teknikal, Hebat Azali Mat Jalid menyampaikan taklimat kepada kakitangan Jabatan Kerja Raya.

Kakitangan JKR mendengar penerangan mengenai penjagaan Proton Prevé.

KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA JABATAN PEGUAM NEGARA *DI AKADEMI PENCEGAH RASUAH MALAYSIA, KUALA LUMPUR PADA 13 APRIL 2014*

Pelbagai informasi berguna mengenai keselamatan jalan raya dibentangkan.

Kakitangan JPN begitu tekun mendengar taklimat.

MAJLIS PENYERAHAN PROTON PREVÉ KEPADA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN, *IPOH PADA 11 APRIL 2014*

Setiap dokumen kereta diuruskan dengan teliti dan lengkap sebelum kereta diserahkan kepada pelanggan.

Kakitangan KPDNKK bergambar kenangan sebaik selepas penyerahan.

MAJLIS PENYERAHAN PROTON PREVÉ KEPADA KPDNKK DI PUSAT SERVIS WILAYAH SPANCO, *BANGI PADA 14 APRIL 2014*

Eksekutif Akaun, Puan Rohana Abdullah menyampaikan taklimat kepada kakitangan KPDNKK yang menerima kenderaan.

Sebahagian kakitangan KPDNKK bergambar bersama kereta-kereta Proton Prevé yang diterima.

MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN PENYIASAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

DI IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA PADA 12 MEI 2014

Penyerahan replika kunci oleh Ketua Pengarah YBhg Dato' Sri Khazali Haji Ahmad kepada Pengarah JKDM setiap negeri.

Dirasmikan oleh Ketua Pengarah JKDM, menandakan 76 unit kenderaan turut diterima oleh Pengarah JKDM di setiap negeri pada hari yang sama.

PENYERAHAN PENGGANTIAN KERETA GUNA SAMA POLIS DIRAJA MALAYSIA

DI DEPOH PENGANGKUTAN PDRM, JALAN SEMARAK PADA 28-30 APRIL 2014

Semasa penyerahan 234 unit Proton Prevé menggantikan Proton Waja.

Merakam kenangan semasa penyerahan penggantian di depoh Pengangkutan PDRM, Jalan Semarak.

KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN DI IBU PEJABAT JKDM NEGERI SARAWAK

DI KUCHING PADA 28 MEI 2014

Kakitangan SPANCO bergambar kenangan bersama Pengarah JKDM Sarawak, YBhg Dato' Jamaiah Jol.

Seramai 50 kakitangan JKDM menghadiri kursus satu hari ini.

Eksekutif Akaun, Ayman Tan Abdullah menyerahkan cenderahati kepada pegawai JKDM Tuan Gathermore ak Jagig.

SPANCO MENYUMBANGKAN 8 KOMPUTER KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN KEPONG

Bertempat di Sekolah Kebangsaan Taman Kepong, Kuala Lumpur, SPANCO telah menyerahkan lapan unit komputer untuk digunakan di Sekolah Kebangsaan Taman Kepong, Kuala Lumpur pada 17 April yang lalu. Ia merupakan satu lagi usaha amal SPANCO dalam membantu meningkatkan prestasi pembelajaran murid-murid dan guru di sekolah itu. Hadir menerima komputer tersebut adalah Pengetua Sekolah, Puan Maheran Abdul Halim.

TEKNOLOGI MASA HADAPAN KINI BERADA DI TANGAN ANDA

SAMSUNG GALAXY S5 DAN JAM PINTAR GABUNGAN BIJAK UNTUK KESIHATAN ANDA

Samsung telah melancarkan Galaxy S5 baru bersama 'Gear Watch'. Telefon pintar bersama 'Gear Watch' yang menggabungkan peranti kesihatan terhebat di pasaran pada telefon bimbit dan jam pintar. Samsung Galaxy S5 ini dilengkapi monitor kadar denyutan jantung, pedometer dan pengesan kecerdasan. Pengesan kecerdasan boleh dihubungkan terus kepada 'Gear Watch' yang nipis, ringan dan memaparkan skrin sentuh 1.84 inci, tali boleh tukar dan pemberitahuan sertamerta untuk panggilan masuk, emel, teks dan banyak lagi. Telefon pintar Samsung S5 memaparkan ciri-ciri hebat lain antaranya kamera 16 megapiksel yang lebih tajam dan direka untuk memberi fokus yang lebih pantas. Sememangnya dua gabungan hebat untuk mereka yang mementingkan penjagaan kesihatan.

SIMPAN DATA KESIHATAN DENGAN SCANADU SCOUT

Ketahui status kesihatan anda dengan mudah dan cepat. Scanadu Scout, alat pengimbas yang dilengkapi sensor ini membolehkan anda menyimpan maklumat penting mengenai kesihatan anda dalam beberapa saat! Hanya letakkan Scanadu Scout pada dahi dan ia akan membaca data-data penting seperti suhu badan, tekanan darah, kadar denyutan jantung, oksimetri, stres, elektrokardiogram (ECG), kadar jantung kebolehubahan (HRV) dan analisis air kencing (UA) anda. Gunakan Scanadu Scout untuk menganalisis, memantau dan berkongsi maklumat kesihatan anda secara maya dengan lebih mudah. Jangan biarkan informasi penting ini hilang begitu sahaja dan jadilah lebih sihat!

KAMERA POLAROID SOCIALMATIC PAPARAN GAYA RETRO DENGAN TEKNOLOGI BAHARU

Anda kini boleh berkongsi gambar-gambar menarik anda terus ke laman sosial Facebook, Twitter atau Instagram dengan kamera polaroid 'sosialmatic' ini. Kamera Android yang berpenampilan klasik Polaroid ini telah diperbaharui dengan teknologi terkini yang memaparkan kamera hadapan 14 megapiksel dan belakang 2 megapiksel. Gambar boleh dilihat dan diedit pada paparan skrin sentuh LCD 4.5 inci. Manakala aplikasi binaan Wi-Fi membolehkan anda berhubung terus ke laman sosial dalam masa sekelip mata. Anda juga boleh mencetak gambar berukuran 2 inci x 3 inci dengan teknologi pencetak dakwat ZINK Zero pada kertas foto yang kalis comot, kalis air dan tahan koyak.

SEGALANYA LEBIH MUDAH DENGAN GOOGLE GLASS

Dengan hanya satu arahan, anda kini boleh membaca emel, mengambil gambar atau juga membuat panggilan. Segalanya dengan Google Glass, alat berupa 'headset' yang dipakai seperti cermin mata, membolehkan anda melakukan apa sahaja tanpa perlu menggunakan tangan. Sekiranya anda inginkan sesuatu informasi, anda hanya perlu menyentuh 'touchpad' di sisi telinga atau menggunakan arahan suara dan Google Glass akan memaparkan informasi tersebut pada prisma kecil berbentuk skrin di bahagian hadapan bingkai. Pelbagai lagi aplikasi boleh dibangunkan dengan memanfaatkan ciri rekaannya yang unik. Malah, anda juga boleh membaca resipi di skrin dan terus memasak tanpa perlu memegang buku resipi lagi.

MENYUSURI 7 KEAJAIBAN DUNIA BAHARU

TAHUKAH anda bahawa terdapat lebih 200 monumen yang mempunyai kemahiran hebat dan keunikan tersendiri masih wujud di dunia? Pada tahun 2001, Swiss Corporation New 7 Wonders Foundation telah memulakan tinjauan untuk memilih tujuh keajaiban dunia daripada 200 monumen tersebut.

Hanya selepas lima tahun, 21 keajaiban baru telah dipilih dan akhirnya pada 7 Julai 2007, tujuh keajaiban dunia baharu diumumkan di Lisbon (Portugal) hasil daripada sistem pemilihan sedunia. Bagaimanapun 'The Great Pyramid of Giza', monumen tertua dunia tidak tersenarai walaupun masih wujud. Tetapi ia diberi penghormatan istimewa dan diumumkan sebagai 'Calon Kehormat atau Keajaiban Dunia Purba'. Mari kita jelajahi tujuh keajaiban dunia terbaharu ini (menurut turutan yang paling lama hingga yang paling baharu).

1 Petra

Salah satu monumen yang pasti memukau pelancong dunia adalah Petra. Merupakan simbol kehebatan Jordon, Petra terletak di ibu kota kerajaan Arab kuno, Nabataea yang dibina pada 312 Sebelum Masihi (SM). Dengan ketinggian 810 meter (2,657 kaki), Petra berdiri teguh di lereng Gunung Hor dan turut dikenali sebagai 'Rose City' sempena warna batu ia diukir. Kerana kehebatan pembuatannya juga, Petra dipilih oleh Majalah Smithsonian sebagai antara '28 Tempat Yang Harus Dikunjungi'.

2 Tembok Besar China

Great Wall of China, terletak di sebelah utara sempadan negara China. Legenda popular ini dibina sekitar 220 - 206 SM oleh Maharaja China pertama, Qin Shi Huang menggunakan batu bata sepenuhnya. Kehebatan tembok China ini bukan hanya dilihat pada kekuatan seni pembinaan tetapi juga pada panjangnya yang berukuran 21,196 km (13,171 batu) meliputi hampir seluruh sebelah utara sempadan China dari timur ke barat.

3 Colosseum

Jika ke Rome, tidak lengkap jika tidak berkunjung ke monumen hebat ini. Terletak di tengah-tengah Bandaraya Rome di Itali, Colosseum mula dibina pada 72 Masihi di bawah pemerintahan Maharaja Vespasian dan siap sepenuhnya pada 80 Masihi di bawah pemerintahan Maharaja Titus. Ia dibina membujur dengan 189 meter panjang dan 156 meter lebar dengan bahagian dasar 24,000 meter persegi. Tinggi dinding luarnya 48 meter dengan kapasiti 50,000 orang.

7 Kristus Penebus

Christ the Redeemer adalah patung Jesus yang terletak di puncak Gunung Corcovado, Taman Nasional Hutan Tijuca, Rio de Janeiro, Brazil. Berketinggian 30.1 meter atau 99 kaki, tidak termasuk ketinggian alasnya 9.5 meter (31 kaki) dan berat 635 tan. Christ the Redeemer dibina antara tahun 1922 - 1931 dengan menelan perbelanjaan berjumlah USD250 ribu atau bersamaan USD3.3 juta nilai wang hari ini. Ia kini menjadi simbol ikonik kepada negara Brazil.

6 Taj Mahal

Monumen indah lambang cinta sejati ini terletak di Agra, India. Ianya dibina sekitar tahun 1632 – 1653 oleh Maharaja Shah Jahan sebagai mengabadikan cinta kepada permaisurinya Mumtaz Mahal. Dengan ketinggian 171 meter (561 kaki), istana cinta ini dibina sepenuhnya dengan marmar putih dan seni ukiran halus yang menakjubkan. Sememangnya keindahan seni pembinaan Taj Mahal berpadu bersama selitan kisah cinta sejati yang pastinya membuai setiap pelancong atau pasangan yang mengunjungi 'permata seni India' ini.

5 Machu Picchu

Satu lagi monumen menakjubkan adalah Machu Picchu yang terletak di Wilayah Cusco di Peru, Amerika Selatan dengan ketinggian 2,430 meter dari paras laut. Machu Picchu dibina pada sekitar tahun 1438 – 1472 sebagai tempat peranginan untuk pemerintah Inca di Pachacuti.

4 Chichen Itza

Dibina pada 600 Masihi, Chichen Itza terletak di bahagian sebelah timur negeri Yucatan di Mexico. Segala peninggalan runtuhan Chichen Itza adalah milik kerajaan Mexico manakala tapaknya dijaga oleh *Mexico's Instituto Nacional de Antropología e Historia* (Institut Antropologi dan Sejarah Nasional). Tanah di mana monumen ini berdiri dimiliki secara persendirian sehinggalah 29 Mac 2010 apabila ianya dibeli oleh Yucatan.

STROK, CEGAH SEBELUM TERLAMBAT!

SERANGAN angin ahmar atau strok adalah punca kematian ketiga terbesar di Malaysia. Ia berlaku apabila sel-sel otak mati dengan mengejut kerana kekurangan oksigen, mungkin akibat pengedaran darah tersekat atau saluran darah ke otak pecah. Pesakit akan mengalami kesukaran untuk bertutur secara tiba-tiba atau hilang daya ingatan dan lumpuh sebelah badan.

Rawatan serta-merta perlu bagi memulihkan strok. Apabila diserang strok, ada penghidap yang mengalami kecacatan kekal dan ada pula yang terus meninggal dunia tanpa sebarang amaran.

Apakah simptom strok?

Adalah mustahak untuk mengesan seberapa segera simptom strok sebaik sahaja ia menyerang iaitu seperti berikut:

- Kesukaran untuk berjalan, mengimbangkan badan atau menyelaraskan pergerakan
- Percakapan menjadi tidak jelas
- Badan terasa kebas, lemah atau lumpuh
- Penglihatan kabur, gelap atau berganda (double vision)
- Sakit kepala yang teruk secara tiba-tiba
- Kebingungan

Bagaimanapun strok ringan atau senyap mungkin tidak memberikan sebarang tanda tetapi masih boleh merosakkan tisu di bahagian otak. Manakala serangan iskemia sementara (TIA) atau 'mini stroke' mungkin merupakan amaran bahawa strok bakal berlaku. Simptom TIA serupa seperti strok tetapi hanya untuk jangka waktu pendek dan tidak meninggalkan kerosakan kekal.

Apakah penyebab strok?

Terdapat dua jenis strok utama iaitu iskemia dan hemoragik. Strok iskemia disebabkan oleh pembekuan darah yang menyekat pengaliran darah ke otak. Lazimnya terjadi pada bahagian yang rosak akibat binaan plak pada salur darah.

Manakala strok hemoragik pula berpunca daripada tekanan darah tinggi yang tidak dikawal, kecederaan kepala atau aneurisme. Tekanan darah tinggi boleh membawa kepada pendarahan otak di mana saluran darah kecil di dalam otak pecah lantas menghalang sel daripada menerima bekalan darah seterusnya meningkatkan tekanan pada otak.

Siapakah yang cenderung mendapat strok?

Strok boleh menyerang sesiapa sahaja baik yang sihat mahupun yang tidak namun pemakanan dan penjagaan kesihatan yang sempurna mampu mengurangkan risiko. Berikut adalah beberapa faktor risiko mengidap strok:

- Usia yang semakin lanjut
- Lelaki lebih berisiko daripada wanita
- Terdapat sejarah keluarga yang mengidap strok
- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol yang tinggi
- Merokok
- Kencing manis
- Obesiti dan berat badan berlebihan
- Pernah mengalami serangan strok atau TIA sebelum ini
- Tahap homosistein iaitu sejenis asid amino dalam darah yang tinggi
- Lelaki yang telah bercerai lebih berisiko
- Kaki botol
- Kemurungan

Cara mengelak atau mengurangkan risiko mendapat strok

Salah satu langkah bagi mengelakkan strok adalah dengan berwaspada terhadap serangan TIA yang mana simptomnya sama seperti strok. Mengamalkan gaya hidup sihat adalah cara utama menghindarkan strok, antaranya:

- Mengesan dan mengawal tekanan darah
- Berhenti merokok
- Mengurangkan pengambilan kolesterol, garam dan lemak
- Merawat kencing manis dengan betul
- Menangani tekanan
- Bersukan
- Menjalani diet yang sihat

Sumber perkembangan terkini mendapati pengambilan vitamin B boleh melindungi dari serangan strok manakala ubat mengurangkan paras kolesterol dapat mengelakkan strok dari berulang. Bagi wanita pula, berjalan sekurang-kurangnya 210 minit setiap minggu didapati mampu mengurangkan risiko.

Simbol

KOTA BHARU - SRI BARU FAST AUTOMOBILE SDN BHD

SRI BARU FAST AUTOMOBILE SDN BHD

LOT NO 1114 & 1115,
JALAN SULTAN YAHYA PETRA,
LUNDANG, 15200 KOTA BHARU
TEL: 09-7485554/09-7431559
FAKS: 09-7431557

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 5

KOTA BHARU - PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR

CAWANGAN PROTON EDAR

PUSAT SERVIS & ALAT GANTI PROTON EDAR (KOTA BHARU)

LOT 249-253, SECTION 25
LANGGAR, JALAN SULTAN YAHYA PETRA
15200 KOTA BHARU
TEL: 09-7435858
FAKS: 09-7449442

JURUTEKNIK: 16 ORANG
PETAK SERVIS: 16

GUA MUSANG - CY STATION ONE TYRE SERVICE CENTRE

CY STATION ONE TYRE SERVICE CENTRE

PT 7754
TAMAN MESRA
18300 GUA MUSANG
TEL: 09-9120001/09-9120002
FAKS: 09-9120000

JURUTEKNIK: 3 ORANG
PETAK SERVIS: 2

**Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.*

PELANTIKAN BARU - CHOP CHIN HOOI AUTO SERVICES SDN BHD (PULAU PINANG)

CHOP CHIN HOOI AUTO SERVICES SDN BHD

398A, JALAN TAIPING
OFF JALAN PERAK
11600 PULAU PINANG
TEL: 04-2817542
FAKS: 04-2811542

JURUTEKNIK: 4 ORANG
PETAK SERVIS: 3

Merah tanda berhenti.



Merah Tanda Berhenti.
Anda Mampu Mengubahnya.

Bila berlaku kemalangan pada kelajuan 50km/j, penumpang belakang seberat 60kg boleh menghentam tempat duduk hadapan dengan kesan impak sebanyak 2.4 tan. Impaknya serupa seperti dihempap oleh seekor gajah. Sudah tentu ia boleh membunuh. Jadi jika anda rasakan tali keledar belakang cuma perhiasan, cuba bayangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya anda tidak menggunakannya. Ada sebabnya mereka di hadapan memakai tali keledar. Anda di belakang juga patut berbuat demikian.
Layari **www.jkjr.gov.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

MINISTRY OF TRANSPORT
MOT